

24/11/1997

(Laporan BSKL)

PANTULAN teknikal di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) Jumaat lalu dijangka berlanjutan hingga hari ini, yang mensasarkan paras 600 sebelum menjadi stabil kerana sokongan belian kukuh yang berterusan.

Berikutan pasaran sudah dijual berlebihan dalam empat hari lalu yang menyaksikan penjualan paksaan besar-besaran yang ketara itu dijangka menjadi lega.

Tanda aras Indeks Komposit mengakhiri minggu lalu 117.38 mata lebih rendah kepada 560.09, Indeks Emas seluruh saham Papan Utama lega 35.58 mata kepada 154.09, Indeks Perusahaan jatuh 207.53 mata kepada 1,118.58 manakala Indeks Papan Kedua jatuh 65.92 mata kepada 262.25.

Kejatuhan ringgit, faktor kadar faedah yang terus meningkat, kebimbangan terhadap urus niaga korporat dan hujung tahun, menjadikan pelabur gementar dan mereka akan memerhatikan faktor itu dengan teliti minggu ini.

Pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai penubuhan Majlis Bertindak Ekonomi Negara (NEAC) untuk menangani masalah ekonomi semasa menyokong pasaran pada Jumaat.

CI dibuka lebih rendah tetapi memantul selepas dua minit urus niaga dan bertahan pada parasnya dalam jam pertama sebelum ia jatuh kepada 512.41 mata, susut 24.21 mata.

Sementara itu, ringgit yang meningkat berbanding dolar AS berikutan peningkatan mata wang serantau pada Jumaat lalu turut menyokong pasaran.

Ringgit mengakhiri dagangan minggu lalu pada 3.4750/50 berbanding dolar daripada 3.3150/25 Jumaat sebelumnya, manakala KLIBOR tiga bulan naik kepada 9.29 peratus daripada 9.07 peratus.

BSKL menjadi lembap pada Selasa kerana pelabur menjual pegangan mereka berikutan kebimbangan terhadap pemilikan 32.6 peratus saham Renong Bhd oleh anak syarikatnya, United Engineers (M) Bhd.

Syarikat kumpulan DRB-HICOM, Hicom Holdings dan Perusahaan Otomobil Nasional Bhd, yang merekodkan keputusan yang memberangsangkan bagi enam bulan berakhir 30 Sept 1997, Rabu lalu menyaksikan reaksi berbelah-bahagi daripada pelabur.

Jumlah dagangan yang diniagakan meningkat kepada 1.905 bilion bernilai RM5.664 bilion dari 1.078 bilion saham bernilai RM4.687 bilion minggu sebelumnya.

Jumlah dagangan Papan Utama meningkat kepada 1.704 bilion bernilai RM4.790 bilion dari 760.462 juta saham bernilai RM2.574 bilion, manakala jumlah dagangan Papan Kedua meningkat kepada 201.003 juta saham bernilai RM874.195 juta dari 152.311 juta saham bernilai RM957.966 juta.

Urus niaga langsung berjumlah 239.909 juta bernilai RM2.206 bilion daripada 167.062 juta bernilai RM1.155 bilion.

Fiamma Holdings Bhd yang muncul kali pertama di Papan Utama pada Selasa mengakhiri minggu ini pada RM1.84, di bawah harga tawarannya RM2.35. -  
Bernama

(END)